

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1987/88

FKF 345 Kemoterapi

Tarikh: 23 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)


Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Struktur berikut adalah suatu terbitan 8-aminokuinolina yang digunakan sebagai agen antimalaria



Terangkan hubungan struktur aktiviti antimalaria bagi 8-aminokuinolina.


(10 markah)

- (B) Encik RL seorang penagih dadah, berumur 25 tahun telah dimasukkan ke wad perubatan kerana mengalami demam, muntah dan kelesuan. Pemeriksaan doktor menunjukkan beliau mengalami pembengkakan di hujung jari, desiran jantung dan kecederaan 'Janeway' di tapak tangan. Pesakit RL diketahui alah terhadap penisilin. Doktor telah membuat diagnosis kemungkinan endokarditis jangkitan yang memerlukan terapi antibiotik secara emfirik.

Jawab soalan-soalan berikut:


- (i) Berikan definisi terapi emfirik.
- (ii) Dengan ringkas huraikan patogenesis endokarditis jangkitan pesakit RL.
- (iii) Cadangkan terapi emfirik antibiotik pesakit RL dan huraikan pemonitoran kesan sampingan antibiotik yang anda pilih.

2. (A) (i) Mengapakah pemberian sulfonamida dikontra-indikasikan dengan prokaina?



(5 markah)

(ii) Huraikan nasib ftalilsulfatiazol di dalam tubuh bila diberikan secara oral



(5 markah)

(B) Bagi setiap agen kemoterapi berikut, sebutkan kegunaan, spektrum aktiviti serta mekanisme tindakannya:

- (i) tetrasiklin - *suntuk*
- (ii) amfoterisin B - *untuk*
- (iii) sefotaksim - *suntuk*
- (iv) aktinomisin D - *basur*

(10 markah)

3. (A) (a) Bincangkan secara terperinci mengapa dan bagaimana ampisillin dapat menghasilkan selektiviti yang amat baik terhadap bakteria.

(7 markah)

(b) Sebutkan 3 agen-agen lain yang menunjukkan selektiviti yang buruk serta terangkan mengapa.

(3 markah)

(B) Terangkan mengapa paras darah penisilin V (fenoksimetil penisilin) adalah lebih tinggi daripada paras darah penisilin G (benzil penisilin) walaupun kedua-duanya diberikan secara oral.

(10 markah)

4. (A) (a) Terangkan mekanisme-mekanisme yang terlibat di sebalik rintangan bakteria terhadap sulfonamid.

(8 markah)

(b) Apakah peranan plasmid di dalam perkembangan rintangan di atas?

(2 markah)

(B) (a) Sebutkan 3 drug utama yang digunakan dalam rawatan tuberkulosis.

(2 markah)

(b) Bincangkan regimen rawatan tuberkulosis dan rasionalnya.

(8 markah)

5. (A) Bincangkan tajuk-tajuk berikut:

- (i) Kegunaan 5-fluorositosin sebagai agen antikulat.
- (ii) Mekanisme tindakan niklosamid dalam rawatan infestasi cacing.
- (iii) Penyakit virus sukar dirawat dengan agen-agen kimia yang terdapat masakini.

(10 markah)

(B) Seorang bayi lelaki berumur 5 hari telah didiagnosiskan mengidapi jangkitan konjunktivitis yang disebabkan oleh Neisseria gonorrhoeae.

Jawab soalan-soalan berikut:

(i) Terangkan tanda-tanda jangkitan konjunktivitis ini.

(2 markah)

(ii) Cadangkan rawatan drug yang sesuai untuk pesakit dan rasional pemberiannya.

(3 markah)


(iii) Senaraikan dua (2) organisma lain yang biasa menyebabkan jangkitan konjunktivitis pada neonat.

(2 markah)

(iv) Senaraikan 3 drug yang digunakan untuk profilaksis jangkitan konjunktivitis pada neonat.

(3 markah)

6. (A) Tetrasiklina tidak stabil terhadap asid kuat dan bes kuat. Jelaskan pernyataan tersebut dan nyatakan bagaimana kestabilan itu dapat diperbaiki.



tetrasiklina (10 markah)

- (B) (a) Beri satu contoh drug antikanser daripada

- (i) kelas drug spesifik kepada kitaran sel.
- (ii) kelas drug tidak spesifik kepada kitaran sel.

- (b) Bagi setiap drug di atas, bincangkan ciri-cirinya di dalam terapi antikanser serta regimen yang melibatkan penggunaan drug-drug tersebut.

(10 markah)